

Resah *fenomena banjir termenung*

BAGI penduduk di daerah Tumpat, banjir itu lumrah bagi mereka terutama penduduk yang menetap di pinggir Sungai Golok setiap kali tibanya musim tengkujuh.

Tetapi yang meresahkan mereka adalah banjir termenung iaitu air bertakung dan lambat surut.

Penduduk, Syaharudin Mohd Nor, 40, berkata, menjadi kebiasaannya banjir di kampung pinggir Sungai Golok ini berlarutan dua minggu baru pulih sepenuhnya.


"Air melimpah jalan, kediaman penduduk surut, namun bagi se-setengah tempat kawasan bendang sawah padi masih digenangi air.

"Ia akan menjejaskan jadual penanaman padi bagi penduduk di sini kerana terpaksa menanam padi lewat," katanya.

Setiap kali banjir melanda, 40 kampung akan digenangi banjir akibat limpahan Sungai Golok.


Antara kampung yang dinaiki air ialah Kampung Kajang Sebidang dan sekitar termasuk Bendang Pak Yong, Teluk Jering, Simpangan, Naga Ibu dan Pisau Raut.

Masalah banjir termenung dikatakan berpunca daripada jalan Kasban menjadi penyebab air ban-



Keadaan sebelum dan selepas banjir di daerah Tumpat.

jir tersekat kerana panjangnya 27 kilometer itu dari Pengkalan Kubor-Rantau Panjang bagaikan benteng menyekat air banjir turun ke Sungai Golok.



Penduduk Kampung Simpangan terpaksa menggunakan bot untuk melakukan aktiviti harian kerana kampung tersebut dinaiki air dan lambat surut.

Lebih kritikal apabila pembetung air yang dibina merentasi jalan Kasban ini tidak mencukupi menyebabkan setiap kali banjir melanda air tersekat dan lambat turun

ke Sungai Golok.

Impaknya, penduduk terpaksa menanggung kerugian apabila sawah padi ditenggelami banjir berminggu-minggu dan juga kerosakan

harta benda serta terputus hubungan apabila jalan masih digenangi air.

Berikutan itu, penduduk mencadangkan kerajaan dan agensi berkaitan membina jambatan bagi tujuan mengalirkan air banjir ke Sungai Golok dengan menebuk jalan Kasban dekat Kampung Pohon Nibong.

Penduduk Kampung Pisau Raut, Che Ibrahim Ismail, 62, penduduk di sini sudah lali dengan banjir termenung kerana dia akan berulang saban tahun.

"Asal banjir mesti airnya lambat surut, kadang-kadang bersambung dengan banjir gelombang kedua dan ketiga.

"Masalah banjir termenung ini berlaku sejak dibina jalan Kasban, tahun 2007 lagi," katanya.

Penduduk, Arifin Awang Chik berkata, banjir termenung ini akan dapat diatasi sekiranya pembinaan jambatan di jalan Kasban di Kampung Pohon Nibong.

"Alhamdulillah isu ini sudah mendapat perhatian perdana menteri, mudah-mudahan pembinaan jambatan itu akan jadi kenyataan," katanya.